

# MSC & CTSB

## NEWSLETTER



## Cybersolution Technologies received Digital Transformation Award

17/12/2025 (Wednesday)

We are honoured to receive the Digital Transformation Award at the Majlis Anugerah Usahawan, organised by SME Bank in collaboration with Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

The prestigious ceremony brought together selected entrepreneurs from across the country who have demonstrated outstanding achievements and meaningful contributions to Malaysia economic development.

The event was graced by senior leadership from the Government and the entrepreneurship development ecosystem, including YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Deputy Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives, as well as YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Secretary General of the Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

This recognition affirms Cybersolution Technologies position as the number one Malaysian GovTech company, delivering AI powered digital systems that modernise, automate, and strengthen local government operations. With more than 20 years of engineering expertise, we continue to support public sector institutions in driving efficiency, compliance, and data driven governance.

This award reinforces our belief that the future of government is intelligent, connected, and built on scalable digital foundations. We thank SME Bank and Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi for the recognition and their continued commitment to advancing Malaysia innovation ecosystem.

# **1. PEMBENTANGAN SISTEM IVALUATION BAGI MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

09/12/2025 (SELASA)



Satu sesi Pembentangan Sistem iValuation telah diadakan khas untuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Pembentangan ini bertujuan memperkenalkan fungsi, keupayaan serta manfaat utama sistem iValuation dalam menyokong proses penilaian harta yang lebih cekap, telus dan bersepadu. Sesi pembentangan ini telah dihadiri oleh En. Nik, Suhana, Siti Khairatul dan Fyqa Maarof. Melalui sesi ini, MBPP turut diberi pendedahan mengenai aliran kerja sistem, ciri analitik serta potensi penambahbaikan operasi sejajar dengan inisiatif pendigitalan pihak berkuasa tempatan.

## **2. PEMBENTANGAN SISTEM ELESEN BAGI MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)**

09/12/2025 (SELASA)

Satu sesi Pembentangan Sistem eLesen telah diadakan bagi Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Pembentangan ini bertujuan memperkenalkan fungsi serta keupayaan Sistem eLesen dalam memperkukuh pengurusan pelesenan secara digital, sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sesi ini telah dihadiri oleh Habibah, Rahimie dan Syahirah.

## **3. SESI UAT PENGURUSAN ASET MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)**

10/12/2025 (RABU)



Satu Sesi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Sistem Pengurusan Aset telah diadakan bersama Majlis Perbandaran Kulai (MPKu). Sesi ini bertujuan menguji kefungsi sistem, memastikan keperluan pengguna dipenuhi serta mengenal pasti sebarang penambahbaikan sebelum sistem dilaksanakan sepenuhnya. Sesi ini turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Nazrin, Farhanah, Yuhanis dan Fyqa Maarof.

#### **4. SESI LATIHAN MODUL NOTA MINTA DAN PEROLEHAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)**

18/12/2025 (KHAMIS)



Sesi Latihan Modul Nota Minta dan Perolehan telah dilaksanakan bagi Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sebagai usaha meningkatkan kecekapan pengguna dalam mengurus proses perolehan secara sistematik. Sesi ini memfokuskan kepada penerangan fungsi modul, aliran kerja serta kaedah penggunaan yang betul bagi memastikan pelaksanaan perolehan yang lebih berkesan dan selaras dengan keperluan pengurusan organisasi.

#### **5. SESI FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT) & TRAINING MODUL KOMPAUN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)**

18/12/2025 (KHAMIS)



Satu Sesi Final Acceptance Test (FAT) dan Latihan Modul Kompaun telah berjaya dilaksanakan bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG). Sesi ini merupakan fasa penting bagi memastikan modul Kompaun berfungsi dengan sempurna, memenuhi keperluan pengguna serta bersedia untuk digunakan secara rasmi. Di samping pengujian sistem, sesi latihan turut memberi penekanan kepada penggunaan praktikal modul, sekali gus meningkatkan kefahaman dan kesiapsiagaan pegawai MBPG dalam pelaksanaan pengurusan kompaun yang lebih cekap dan bersepadu.

## 6. SMARTCITY EVENT MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)

19/12/2025 (JUMAAT) - 21/12/2025 (AHAD)



Majlis Perasmian Program Smart Technology Towards Smart City ( Smart City Conference 2025) sempena Pahang Technology Revolution Expo (TReX) 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) pada 19-22 Disember 2025 lalu.

Program ini menghimpunkan pemain industri, agensi kerajaan serta komuniti teknologi bagi membincangkan inovasi pintar, solusi digital dan hala tuju pembangunan Smart City di Negeri Pahang. Penganjuran ini berperanan sebagai platform perkongsian ilmu dan pemerkasaan kolaborasi strategik ke arah pembangunan bandar yang lebih cekap, mampan serta berteraskan teknologi digital. Secara umumnya, program 3hari ini merangkumi pelbagai program utama berteraskan teknologi, inovasi dan pembangunan digital. Antara pengisian utama termasuk Smart City Conference, sesi perkongsian bersama agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan, majlis perasmian Smart City Conference dan TReX 2025, sesi pitching syarikat, pertandingan simulasi perniagaan, e-sukan, pertandingan drone, aktiviti komuniti serta sesi dialog kepimpinan negeri.

Majlis perasmian Smart City Conference 2025 pada hari pertama telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang, YB Dato' Haji Mohammad Fakhrudin bin Mohd Ariff, sebagai manifestasi komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pahang dalam memperkukuh agenda teknologi pintar dan pembangunan bandar mampan.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah:

SUB Bahagian Kerajaan Tempatan, YH Dato' Khairun Nissa binti Aris, ;

Pegawai Pelaburan Perniagaan Negeri Pahang, YH Dato' Kamarul'Arifin bin Ahmad @ Abd Rahman, ;

Pengarah Tanah dan Galian Pahang, YH Dato' Hajah Aida Munira binti Abdul Rafar, ;

Datuk Bandar , Majlis Bandaraya Kuantan, YH Dato' Zaliza bin Zulkipli,;

Pengarah PLANMalaysia Pahang, YH Dato' Tpr Nik Noraisu Binti Nik Ibrahim,;

Ketua Pegawai Eksekutif Pahang Go, YBrs Ts Affandi Bin Mohd Isa; serta Ketua Pegawai Operasi, Koridor Utiliti Pahang (KUP), YBrs Ir Ts Mohd Sably Bin Abdul Latiff.



Pada hari kedua, perasmian rasmi TRex 2025 telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohamad Nizar bin Najib, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Turut hadir memeriahkan program pada hari ketiga ialah YB Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang. Secara keseluruhan, penganjuran TRex 2025 berperanan sebagai platform strategik yang mengukuhkan kolaborasi antara kerajaan, industri dan komuniti teknologi, di samping menyokong agenda Smart City, inovasi dan transformasi digital di Negeri Pahang.

Cybersolution Technologies Sdn. Bhd. (CTSB) turut mengambil bahagian dengan membuka booth pameran selama tiga hari, bagi berkongsi maklumat di pentas dewan MBK (sesi pitching syarikat), penyelesaian digital dan inisiatif transformasi teknologi yang menyokong pelaksanaan Pihak Berkuasa Tempatan Pintar, sejajar dengan aspirasi pembangunan Smart City di Negeri Pahang.

Penyertaan CTSB sebagai pempamer dalam Smart City Conference memberi peluang memperkenalkan solusi dan teknologi bandar pintar kepada pihak kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta, di samping membina rangkaian strategik dalam ekosistem Smart City. Penyertaan ini turut membuka peluang kerjasama masa hadapan, meningkatkan keterlihatan jenama, serta memberi akses kepada trend dan perkembangan terkini berkaitan Smart City termasuk IoT, keselamatan dan sistem digital kerajaan.

## **7. LATIHAN SISTEM EHR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)**

19/12/2025 (JUMAAT) - 21/12/2025 (AHAD)

Satu Sesi Latihan Sistem eHR telah dilaksanakan bagi Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bertujuan meningkatkan tahap kefahaman serta kecekapan pengguna dalam pengurusan sumber manusia secara berasaskan sistem. Sesi latihan ini merangkumi penerangan menyeluruh terhadap fungsi-fungsi utama sistem, aliran proses kerja serta kaedah penggunaan modul berkaitan, selaras dengan keperluan pentadbiran dan tadbir urus organisasi yang lebih cekap, teratur dan bersepadu. Diwakili oleh En Eddy dan Syafaizah.

## **8. SESI FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT) & LATIHAN MODUL SEWA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)**

19/12/2025 (JUMAAT)



Sesi Final Acceptance Test (FAT) dan Latihan Modul Sewa telah dijalankan bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sebagai langkah terakhir sebelum pelaksanaan rasmi modul tersebut. Sesi ini menekankan pengujian menyeluruh ke atas fungsi modul serta memberikan panduan praktikal kepada pengguna bagi memastikan pengurusan sewaan dijalankan secara teratur, cekap dan selaras dengan prosedur organisasi.

## **9. SESI FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT) & LATIHAN MODUL LESEN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)**

19/12/2025 (JUMAAT)

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengadakan Sesi Final Acceptance Test (FAT) dan Latihan Modul Lesen, menandakan fasa akhir persediaan modul sebelum pelaksanaan rasmi. Sesi ini bukan sahaja menekankan pengujian fungsi sistem secara menyeluruh, malah memberikan latihan praktikal kepada pegawai MBPG bagi memastikan pengurusan lesen dapat dijalankan dengan cekap, telus, dan bersepadu. Pendekatan ini selari dengan usaha MBPG meningkatkan standard tadbir urus digital serta memperkukuh keberkesanan operasi harian.



## **10. SPORTS CLUB LUNCH TREAT 2025 @ JOHOR BRANCH**

29/12/2025 (ISNIN)

Ahli Kelab Sukan dan Rekreasi 2025 telah mengadakan Lunch Treat dan Pelantikan jawatankuasa kelab sukan bagi sesi 2026. Majlis ini bukan sahaja bertujuan untuk meraikan pelantikan barisan jawatankuasa baharu, malah menjadi platform untuk mengeratkan hubungan sesama warga kerja melalui aktiviti santai dan kebersamaan. Pelantikan ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pelaksanaan aktiviti kelab sukan yang lebih aktif dan berimpak pada tahun 2026. Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini.

